

PENGUNAAN BAHAN PENGAJARAN KREATIF GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM DI SK. BUKIT BANDARAYA DALAM BIDANG TAJWID

Ahmad Hafizudin Bin Ahmad Nizal
Mohd Puaad bin Abdul Malik^{Phd}
IPGK Bahasa Antarabangsa

ABSTRAK

Seiring dengan perkembangan pendidikan di Malaysia, guru-guru kreatif dan berinovatif amatlah dituntut bagi menyahtu cabaran kelas pembelajaran abad ke-21. Keberhasilan guru kreatif dan berinovatif ini dapat diukur melalui penguasaan pelbagai bentuk teknik pengajaran serta mampu menghasilkan bahan pengajaran yang kreatif seterusnya dapat menarik minat murid-murid untuk meneroka ilmu dan menggilap kefahaman mereka. Kajian kes ini mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif bagi meneroka bahan pengajaran kreatif yang diaplikasikan oleh guru-guru pelatih major Pendidikan Islamambilan Jun 2021-2025 IPGKBA dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bidang tajwid. Seramai empat orang guru pelatih telah ditemubual secara mendalam di samping terlibat dalam pemerhatian dan analisis dokumen bagi meneroka amalan mereka dalam PdP bidang Tajwid. Data telah dianalisis secara tematik. Hasil daripada kajian ini, penggunaan bahan pengajaran yang kreatif terbukti dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan boleh memberi pemahaman yang lebih mendalam serta meningkatkan lagi daya ingatan pelajar tentang hukum tajwid dengan mudah dan pantas. Impak daripada penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam PdP Pendidikan Islam ini menyumbang kepada peningkatan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid agar menjadi satu ilmu yang mudah untuk dikuasai oleh umat Islam dan secara tidak langsung dapat membantu memperbetulkan bacaan al-Quran dengan bertajwid.

Kata Kunci: *Bahan pengajaran kreatif; pengajaran Tajwid; pembelajaran berpusatkan bahan; Pendidikan Islam; Sekolah rendah; Kajian kes*

ABSTRACT

Along with the development of education in Malaysia, creative and innovative teachers are highly demanded to meet the challenges of the 21st century learning class. The success of this creative and innovative teacher can be measured through the mastery of various forms of teaching techniques as well as being able to produce creative teaching materials that can further attract students to explore knowledge and polish their understanding. This case study applies a qualitative research design to explore creative teaching materials applied by trainee teachers of the Islamic Education major for the June 2021-2025 intake of IPGKBA in the teaching and learning process (PdP) in the field of tajwid. A total of four trainee teachers were interviewed in depth in addition to being involved in observation and document analysis to explore their practice in PdP in the field of Tajwid. Data were analyzed thematically. As a result of this study, the use of creative teaching materials proved to be able to create a more interactive learning environment and can provide a deeper understanding as well as increase the student's memory about tajwid law easily and quickly. The impact of the use of creative teaching materials in the PdP of Islamic Education contributes to the increase in the diversity of teaching and learning methods of tajwid so that it becomes a science that is easy for Muslims to master and can indirectly help correct the recitation of the Qur'an with tajwid.

Keywords: *Creative teaching materials; teaching Tajwid; material-centered learning; Islamic studies; Primary school; Case studies*

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam dibina bagi membentuk pemahaman murid-murid terhadap setiap cabang ilmu Pendidikan Islam secara holistik, bersepadu dan bersifat autentik. Merujuk objektif KSSR Pendidikan Islam ada menyatakan bahawa murid yang melalui proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) KSSR Pendidikan Islam berkebolehan untuk membaca al-Quran menggunakan hukum Tajwid dengan betul secara berterusan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017). Hasrat KPM untuk melahirkan murid-murid berpengetahuan tinggi tentang ilmu Tajwid pasti tercapai seandainya murid-murid dapat menguasai ilmu Tajwid secara teori dan amali. Justeru itu, Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang penting bagi merealisasikan hasrat berikut misalnya menjadi ejen transformasi dalam sistem pendidikan dengan meneroka kebolehan serta potensi murid-murid dari segi intelektual, kemahiran dan rohani seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan.

Selain itu, pengajaran yang berkesan dan berkualiti menjadi tunjang utama bagi membentuk generasi kamil. Pendidikan merupakan platform signifikan dalam kemenjadian jiwa dan pemikiran manusia (Pandiangan, 2019). Bagi menyahut cabaran pembelajaran abad ke-21, GPI haruslah mewujudkan variasi dalam aktiviti pengajarannya dengan mengaplikasikan pelbagai strategi, kaedah dan teknik yang tertentu (Mohd Nur Adzam et al. 2017) antaranya dengan menerapkan unsur-unsur kreativiti dan inovasi (Rufaizal Che Mamat 2017) dalam pembinaan Bahan Bantu Mengajar (BBM). Pedagogi abad ke-21 juga mesti diterapkan dengan lebih kreatif dan inovatif (Mohd Zailani & Mohamad Khairi 2021) agar dapat mendorong kefahaman dan amalan murid (Fathiyah et al. 2020) dalam kehidupan seharian berdasarkan kandungan kurikulum Pendidikan Islam.

Hal ini secara tidak langsung memberi nafas baharu terhadap pendekatan pengajaran GPI di sekolah daripada pendekatan berpusatkan guru iaitu '*chalk and talk*' kepada pendekatan pembelajaran berpusatkan murid dan berpusatkan bahan (Fathi & Khadijah, 2021) seterusnya dapat meningkatkan penglibatan murid-murid dalam proses PdP (Mashira et. al, 2019). Justeru kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan bahan pengajaran kreatif yang diaplikasikan oleh guru-guru pelatih Pendidikan Islam di SK. Bukit Bandaraya dalam proses PdP bidang Tajwid.

PENYATAAN MASALAH

Masalah kelemahan murid dalam menguasai al-Quran secara bertajwid dalam bidang Pendidikan Islam bukanlah suatu fenomena baharu dan wajib diberi perhatian dari pelbagai pihak khususnya GPI di sekolah. Memetik kenyataan Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Melaka, Ahmad Hamizi Abu Hassan dalam akhbar Harian Metro bertarikh 14 November 2019, lebih 700 murid bersamaan tujuh peratus daripada 11 000 murid tahun enam di Melaka masih tidak boleh mengaji al-Quran dengan bertajwid. Merujuk dapatan kajian Che Rozali Husain (2012), kelemahan murid dalam mengingat dan memahami hukum Tajwid dengan baik merupakan antara faktor bacaan al-Quran secara bertajwid sukar dikuasai. Kenyataan berikut disokong dengan dapatan kajian Khairiah Razali dan Ahmad Sihes (2017) yang mendapati penguasaan al-Quran dalam kalangan murid adalah lemah kerana mereka masih berada pada tahap bacaan Iqra' sekaligus memberi kesan pada penguasaan ilmu Tajwid. Masalah ini semakin kritikal apabila guru sendiri tidak mampu menyampaikan isi pelajaran Tajwid al-Quran secara berkesan kerana tidak mengaplikasikan

kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian bagi mendorong murid mudah faham dan mengingat hukum-hukum Tajwid al-Quran (Eadil, 2010). Selain itu, pelaksanaan PdP menggunakan kaedah pengajaran tradisi dan hanya merujuk buku teks semata-mata berkemungkinan menimbulkan rasa bosan pelajar seterusnya memberi kesan pada tahap penguasaan dan pemahaman murid terhadap isi pelajaran Tajwid al-Quran. Menurut Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi (2021) menyatakan bahawa pelaksanaan PdP menggunakan kaedah pengajaran tradisi adalah disebabkan oleh daya kreativiti guru yang lemah selain sikap tidak mahu mengaplikasi inovasi akan memberi kesan pada pelajar seterusnya menyukarkan mereka untuk memahami, mengingat, dan menguasai ilmu Tajwid dengan lebih baik. Fenomena ini terus berlanjutan sehingga hari ini dan masih belum menemui titik noktahnya.

Guru-guru merupakan penggerak utama dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam institusi pendidikan negara. Amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah merupakan faktor penentu keberkesanan suatu proses PdP seterusnya menjadi cabaran yang kompleks dan perlu disahut oleh sesiapa yang terlibat dalam profesion keguruan hari ini. Justeru, GPI haruslah mengaplikasikan penggunaan BBM yang inovatif bagi mendorong penguasaan murid dalam ilmu Tajwid. Penyataan ini didorong dapatan kajian Muhammad Aizat Anwar dan Khadijah (2022) yang menyatakan bahawa penguasaan ilmu Tajwid akan menjadi lebih baik apabila guru mengaplikasikan kreativiti dan inovatif dalam PdP dengan mengambil kira faktor kepelbagaian pelajar di dalam bilik darjah.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai tujuan berikut, beberapa objektif khusus ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Meneroka penggunaan bahan pengajaran kreatif terhadap guru pelatih dalam PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid.
2. Memahami impak penggunaan bahan pengajaran kreatif oleh guru pelatih dalam PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid.
3. Meninjau aspek penerimaan guru pelatih terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid.

PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini akan menjawab dua persoalan yang berikut:

1. Apakah bahan pengajaran kreatif yang digunakan oleh guru pelatih Pendidikan Islam semasa melaksanakan PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid?
2. Apakah penggunaan bahan pengajaran kreatif oleh guru pelatih dapat mendorong impak positif terhadap murid-murid dan PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid?
3. Bagaimanakah penerimaan guru terhadap bahan pengajaran kreatif dalam PdP Pendidikan Islam bidang Tajwid?

METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes (Kamarul Azmi, 2012; Othman 2019). Pendekatan yang diaplikasikan ini tidak tertumpu pada pengumpulan data yang banyak namun lebih mengutamakan keabsahan dan kualiti data yang diperolehi (Azizah Hamzah, 2010). Reka bentuk kajian kes dilihat bersesuaian dengan kajian ini kerana kajian ini dijalankan bagi meneroka dan memahami dengan lebih mendalam

penggunaan bahan pengajaran kreatif guru pelatih Pendidikan Islam di SK. Bukit Bandaraya dalam PdP bidang Tajwid. Kajian ini dijalankan terhadap empat orang guru pelatih Pendidikan Islam Guru pelatih Pendidikan Islam di SK. Bukit Bandaraya yang menggunakan bahan pengajaran kreatif dalam PdP subjek Pendidikan Islam bidang Tajwid telah dipilih sebagai sampel kajian seterusnya akan menjalani proses temu bual secara mendalam.

Satu set soalan temu bual telah disediakan. Soalan-soalan temu bual berbentuk separa struktur atau temu bual semi-struktur. Seramai dua orang pakar kajian dalam bidang Pendidikan Islam telah dirujuk bagi menyemak item-item dan konstruk instrumen kajian. Analisis dokumen Rancangan Pengajaran Guru (RPH) guru-guru pelatih dan buku latihan murid-murid turut dilaksanakan bagi pengumpulan data dan maklumat kajian. Data-data dan maklumat yang diperolehi semasa proses pengumpulan data seperti yang ditunjukkan dalam carta Gantt di Lampiran G, data terkumpul akan dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 14 untuk menganalisis dan menterjemahkan dapatan kajian. Sesi temubual bersama sampel kajian akan ditranskripkan dan dirujuk semula kepada mereka bagi mendapatkan pemahaman yang jitu. Setelah data-data yang dikumpul bersifat konkrit dan selari dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh sampel kajian, data-data tersebut akan dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah analisis tematik diguna pakai dalam kajian ini bagi menemukan tema dan pola berdasarkan data yang telah dikumpul (Braun & Braun & Clarke, 2006).

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, tema-tema yang dibina hasil penelitian terhadap transkrip temubual peserta-peserta kajian akan disiapkan dalam satu set borang persetujuan pakar bertujuan untuk dirujuk kepada panel-panel pakar terpilih bagi mendapatkan pengesahan pakar. Pengesahan pakar dapat mendorong peningkatan tahap kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian (Welsh, 2002; Dane, 2011). Pengkaji telah melantik tiga orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan kualitatif untuk mengesahkan semua tema yang dibina. Seterusnya, beberapa tema yang mempunyai pola yang jelas akan dibincangkan dalam kajian. Pola ini terbentuk apabila pengkaji mengkod data dengan menggunakan perisian analisis data (Benaquisto, 2008). Kebiasaannya, pengkodan data dilaksanakan sambil merujuk pelbagai sumber seperti transkrip temubual, nota lapangan, bahan arkib, laporan, artikel akhbar, dan karya seni (Benaquisto, 2008; Julien, 2008). Dalam kajian ini, pengkaji mengkod data melalui transkrip temubual peserta kajian yang telah dihasilkan bagi mengenalpasti tema dan kod yang mencapai tahap pola seterusnya membuktikan bahawa pengkaji tidak bersikap berat sebelah, adil, dan jujur dalam menyampaikan dapatan kajian (Yin, 2009). Dalam kajian ini, dapatan data yang mencapai tahap pola adalah perbandingan dua hasil dari beberapa peserta kajian yang menghasilkan tema yang serupa (Hak & Dul, 2010). Dalam kata lain, tema atau kod yang mencapai dua daripada keseluruhan sumber utama yang diperolehi semasa mendapatkan data boleh dikira mencapai tahap pola.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Profil Peserta Kajian

Empat orang peserta kajian yang menepati kriteria kajian telah dipilih bagi melaksanakan kajian ini. Ciri-ciri demografi peserta kajian kajian diringkaskan dalam Jadual 1. Bagi memenuhi etika penyelidikan dan kerahsian, pengkaji telah melabelkan peserta kajian 1, 2, 3, dan 4 sebagai MAHBA, MAABJ, NASBAM, dan NZBN. Pengkodan ini dilakukan bagi memenuhi prinsip kerahsiaan bagi melindungi data peribadi peserta kajian dari dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Jadual 1
Profil Peserta Kajian

PESERTA KAJIAN	MAJOR	TAHUN MENGAJAR (BIDANG TAJWID)
MAHBA	Pendidikan Islam	TAHUN 3
MAABJ	Pendidikan Islam	TAHUN 3
NASBAM	Pendidikan Islam	TAHUN 1 & 2
NZBN	Pendidikan Islam	TAHUN 1 & 2

Pengetahuan dan Amalan Penggunaan Bahan Pengajaran Kreatif Guru Pelatih Pendidikan Islam

(1) Pengetahuan Konsep

Dapatan kajian menunjukkan kesemua peserta kajian mempunyai pengetahuan asas dan umum terhadap konsep penggunaan bahan pengajaran kreatif ini melalui perspektif masing-masing. Bagi mereka, bahan pengajaran kreatif adalah apa sahaja bahan di sekeliling kita yang sesuai digunakan dalam sesi PdP. Justeru, keempat-empat peserta kajian bersepakat bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif ini dapat mendorong minat murid-murid dan akhirnya memberi impak positif dalam suatu sesi PdP (MAHBA/T1/161023; MAABJ/T2/161023; NASBAM/T3/171023; NZBN/ T4/171023).

“Bahan Pengajaran Kreatif ini adalah sebagai satu wadah yang baik untuk mendorong minat murid seterusnya memberi impak positif dalam suatu sesi PdP”

MAHBA/T1/161023

“...dapat menarik minat belajar murid seterusnya memudahkan suatu sesi PdP berlangsung dan mencapai objektif yang diharapkan.”

NZBN/T4/171023

Daripada perkongsian keempat-empat peserta kajian mengenai pemahaman masing-masing terhadap konsep penggunaan bahan pengajaran kreatif, dapat disimpulkan bahawa, bahan pengajaran kreatif merujuk kepada apa sahaja bahan di sekeliling kita yang sesuai digunakan dalam sesi PdP, dapat menghilangkan rasa bosan murid-murid dan mendorong minat belajar mereka, akhirnya memberi impak positif dalam suatu sesi PdP (Shaelayani & Hafizhah, 2023).

(2) Amalan Penggunaan Bahan Pengajaran Kreatif

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, MAHBA dilihat mengaplikasikan penggunaan *flashcards* dan bahan visual dalam PdP bidang Tajwid. Manakala MAABJ pula mencipta bahan pengajaran kreatif yang dinamakannya sebagai “Yadun” bagi merangsang pemahaman serta ingatan murid-murid dalam topik nun sakinah secara berkesan.

“...saya ada menggunakan flashcards, kad visual, dan ada juga saya print ayat-ayat al-Quran dan minta mereka tanda atau label di mana hukum Tajwid yang dipelajari dalam potongan ayat tersebut.”

MAHBA/T1/161023

“Saya ada menghasilkan satu bahan pengajaran kreatif maujud yang saya namakannya “Yadun” bagi memudahkan murid-murid mengingat hukum nun Sakinah dengan mudah.”

MAABJ/T2/161023

Selain itu, dalam usaha memperkasakan pemahaman dan kemahiran murid-murid dalam bidang Tajwid, pendekatan penggunaan bahan pengajaran kreatif berbentuk digital atas talian seperti Quizizz dan Wordwall adalah wajar diaplikasikan oleh GPI. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh NASBAM.

“...saya banyak aplikasikan kaedah pemulihan dan pengayaan dengan menggunakan bahan pengajaran kreatif berbentuk digital seperti Wordwall dan Quizizz”

NASBAM/T3/171023

Penggunaan bahan digital yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah seperti *smart TV* patut dimanfaatkan oleh GPI dalam membantu peningkatan kefahaman dan kemahiran murid-murid dalam bidang Tajwid sepertimana yang telah dinyatakan oleh NZBN.

“Untuk TMK pula saya ada memanfaatkan smart tv di surau sekolah tu, saya guna untuk jalankan quiz digital guna perisian wordwall dan sebagainya lah.”

NZBN/T4/171023

Berdasarkan dapatan temu bual, penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam bentuk maujud dan digital oleh keempat-empat peserta kajian dilihat dapat meningkatkan pengalaman belajar murid-murid kerana deria mereka seperti deria sentuhan, deria pendengaran, dan deria penglihatan dirangsang secara maksima dan secara kerap (Edgar Dale, 1969). Hal ini seterusnya mendorong pada kesan seperti dapatan Amirul & Isa (2020), di mana penggunaan bahan pengajaran kreatif mampu menarik minat dan perhatian murid-murid dalam mempelajari bidang Tajwid.

Impak Penggunaan Bahan Pengajaran Kreatif

(1) Impak Terhadap Murid

Dapatan kajian menegaskan bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam sesi PdP dapat dilihat lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman murid-murid terhadap topik pembelajaran bidang Tajwid berbanding guru mengaplikasikan kaedah penerangan dan penjelasan semata-mata. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh NASBAM dan NZBN.

“...mereka lebih mudah untuk memahami isi kandungan topik pembelajaran berbanding pengaplikasian kaedah penerangan semata-mata.”

NASBAM/T3/171023

“...ianya dapat mendorong impak yang positif melalui peningkatan kefahaman dan kemahiran murid”

NZBN/T4/171023

Penggunaan bahan pengajaran kreatif juga dilihat dapat merangsang fokus murid-murid semasa sesi PdP bidang Tajwid seterusnya membantu GPI dari aspek kawalan bilik darjah. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh MAHBA dan MAABJ, sekiranya penggunaan bahan pengajaran kreatif diaplikasikan, kawalan bilik darjah akan menjadi lebih senang apabila murid-murid fokus dan memberi perhatian semasa sesi PdP.

“...kawalan kelas menjadi lebih mudah kerana fokus mereka lebih tertumpu kearah topik pembelajaran bidang Tajwid yang sedang dipelajari.”

MAHBA/T1/161023

“Semua murid-murid dalam kelas memberikan perhatian terhadap bahan slide atau video yang pancarkan di papan putih.”

MAABJ/T2/161023

Ingatan murid-murid terhadap pembelajaran Tajwid juga dapat dirangsang melalui penggunaan bahan pengajaran kreatif ini. Sebagai contoh, MAABJ ada menghasilkan sebuah inovasi pembelajaran Tajwid yang dinamakan “Yadun” bagi mendorong ingatan murid-murid terhadap hukum nun sakinah (Lampiran H).

“...mereka bermotivasi untuk membuat model “Yadun” dengan menggunakan tangan mereka sendiri seterusnya meningkatkan lagi kefahaman dan ingatan mereka dalam topik hukum nun sakinah.”

MAABJ/T2/161023

Menurut Hamir Hamzah dan Mohamad Hilmi Mat Said (2018), inovasi Tajwid Yadun merujuk kepada penggunaan teknik padanan lima jari tangan dengan bilangan lima hukum Tajwid yang melibatkan nun sakinah dan tanwin. Bahan pengajaran kreatif ini dapat memberi rangsangan terhadap ingatan murid-murid dalam topik pembelajaran bidang Tajwid.

Penggunaan bahan pengajaran kreatif dilihat dapat memberi impak positif terhadap kesediaan murid-murid sebagai contoh murid-murid menzahirkan keterujaan mereka untuk belajar Tajwid setelah mengetahui GPI akan mengaplikasikan bahan pengajaran kreatif dalam bilik darjah. Sepertimana yang dinyatakan oleh MAABJ, NASBAM, dan NZBN, murid-murid berasa tidak sabar untuk mengikuti sesi PdP bidang Tajwid kerana mereka dapat tahu penggunaan bahan pengajaran kreatif akan digunakan oleh GPI.

“...mereka sangat teruja dan tidak tertunggu-tunggu untuk menyertai sesi kelas bidang Tajwid yang akan datang bagi mengetahui apakah bahan pengajaran kreatif yang akan saya bawa pula kali ini.”

MAABJ/T2/161023

“...mereka dilihat sangat teruja apabila dimaklumkan bahawa sesi PdP bidang Tajwid akan dilaksanakan di surau kerana di surau terdapatnya smart tv”

NASBAM/T3/171023

“...tu yang bila saya guna tu mereka jadi teruja sangat nak belajar tu.”

NZBN/T4/171023

Melalui penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam pembelajaran Tajwid, dapat merangsang minat dan motivasi murid-murid untuk belajar seterusnya mempengaruhi penguasaan mereka terhadap bidang Tajwid.

“...apabila saya mengaplikasikan TMK dalam sesi PdP Tajwid, murid-murid lebih tertarik untuk belajar...”

NASBAM/T3/171023

“...ianya dapat meningkatkan minat dan motivasi murid melalui penggunaan flashcards.”

MAHBA/T1/161023

Apabila murid mula menunjukkan rasa minat mereka dalam pembelajaran Tajwid yang dijalankan sambil menggunakan bahan pengajaran kreatif, secara tidak langsung penglibatan mereka secara aktif di dalam bilik darjah juga dapat dicapai. Menurut MAHBA, walaupun murid tersebut lemah dalam bidang Tajwid, apabila beliau menggunakan bahan pengajaran kreatif, murid tersebut berminat untuk belajar seterusnya melibatkan dirinya secara aktif dalam pembelajaran Tajwid yang sedang berlangsung.

“...apabila saya menggunakan bahan pengajaran kreatif ini, saya dapat lihat tahap keterlibatan murid dalam sesi PdP bidang Tajwid meningkat, mereka juga bergiat aktif dan menunjuk minat untuk belajar walaupun mereka lemah dalam bidang Tajwid ini.”

MAHBA/T1/161023

Berdasarkan dapatan data dari keempat-empat peserta kajian berikut, jelaslah bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam bilik darjah dapat mendorong pelbagai impak positif serta mengelakkan masalah keciciran murid dan murid tidak memberi tumpuan, semasa sesi PdP berlangsung. Justeru, masalah keciciran dan tidak fokus dalam kalangan murid semasa PdP bidang Tajwid dapat dielakkan kerana murid-murid bermotivasi, berminat, dan bersemangat untuk menyertai sesi PdP bidang Tajwid (Amirul & Isa, 2020; Mohd Faez et. al., 2016).

(2) Impak Terhadap PdP

Penggunaan bahan pengajaran kreatif dapat mendorong sesi PdP yang efektif dan interaktif terhasil. Pernyataan berikut selari dengan pernyataan Adibah Liyana dan Hafizhah Zulkifli (2021) di mana elemen kreativiti yang diterapkan dalam suatu sesi PdP dapat membantu pencapaian objektif pengajaran suatu subjek dengan lebih efektif dan interaktif. NASBAM dan MAABJ menyatakan bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif dapat mendorong sesi PdP yang efektif dan interaktif:

“...seterusnya mendorong pada keberhasilan pencapaian objektif pembelajaran yang memberangsangkan.”

NASBAM/T3/171023

“...mendorong pada impak yang positif terhadap pembelajaran bidang Tajwid.”

MAABJ/T2/161023

Interaktif pula merujuk kepada komunikasi dua hala antara guru dan murid-murid. Impak positif ini terhasil apabila guru berjaya meningkatkan inkuiri atau rasa ingin tahu murid-murid melalui penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam pembelajaran Tajwid. Hal ini dinyatakan oleh MAHBA semasa sesi temubual.

“...seterusnya meningkatkan inkuiri dan motivasi murid untuk menjawab dan sesi PdP interaktif pun terhasil.”

MAHBA/T1/161023

Apabila sesi pembelajaran Tajwid dijalankan secara interaktif, secara tidak langsung dapat mewujudkan pembelajaran Tajwid secara berkesan dan efektif. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh NZBN.

“...menarik minat belajar murid seterusnya mendorong pada pelaksanaan PdP bidang Tajwid secara interaktif dan efektif.”

NZBN/T4/171023

Berdasarkan dapatan data dari dua orang peserta kajian berikut, dapat difahami bahawa penggunaan bahan pengajaran kreatif dapat meningkatkan inkuiri dan rasa ingin tahu murid-murid seterusnya mendorong pada komunikasi dua hala antara guru dan murid. Justeru, menjadi tanggungjawab GPI memberikan penekanan terhadap pendekatan pengajaran menggunakan bahan pengajaran kreatif agar sesi PdP yang berlangsung tidak membosankan, seterusnya interaksi dua hala antara guru dan murid dalam bilik darjah terhasil justeru sesi PdP efektif juga terhasil (Noornajihan Jaafar, 2018). Hal ini secara tidak langsung dapat mendorong penguasaan yang baik oleh murid-murid terhadap mana-mana bidang dalam subjek Pendidikan Islam (Adibah & Liyana, 2021). Pada akhirnya PdP bidang Tajwid interaktif dan efektif dapat dicapai dan secara tidak langsung mengembangkan pemahaman murid secara mendalam terhadap hukum-hukum Tajwid.

Aspek Penerimaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Bahan Pengajaran Kreatif

(1) Aspek Penerimaan

Antara aspek penerimaan guru adalah aspek keterlibatan murid dan aspek kepelbagaian kaedah pengajaran. Aspek keterlibatan murid peserta kajian NASBAM dan NZBN merupakan antara aspek yang mendorong penggunaan bahan pengajaran kreatif ini dalam pembelajaran Tajwid.

“...apabila saya mengaplikasikan bahan pengajaran kreatif dalam PdP bidang Tajwid, murid-murid akan menyertai sesi PdP secara menyeluruh.”

NASBAM/T3/171023

Tambahan lagi, bagi mengelakkan masalah keciciran murid dalam pembelajaran Tajwid ini, GPI boleh bertanya kepada murid-murid apakah bahan pengajaran kreatif yang berkesan bagi mereka seterusnya dapat dorong penglibatan mereka dalam bilik darjah. Ini seperti yang dinyatakan oleh NZBN.

“Saya sangat pentingkan aspek ini supaya saya tak syok sendiri aplikasikan bahan pengajaran kreatif. Saya selalu minta maklum balas mereka bahan pengajaran kreatif mana yang mereka suka, yang mereka rasa berkesan, jadi bahan pengajaran kreatif itu lah yang saya akan selalu aplikasikan bagi memaksimumkan keterlibatan mereka dalam sesi PdP bidang Tajwid.”

NZBN/T4/171023

Justeru hasil dapat pada perbincangan ini menjelaskan bahawa, aspek keterlibatan murid merupakan antara aspek yang mendorong penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam dalam bidang Tajwid. Selain itu, GPI juga boleh memberi ruang kepada murid-murid untuk memaklumkan bahan pengajaran kreatif yang dapat mendorong minat, kefahaman, dan kemahiran mereka. Hal berikut adalah bagi memudahkan GPI mengenalpasti bahan pengajaran kreatif yang berkesan hasil dari proses analisis secara mendalam (Mohd Faez et. al., 2016). Hal ini pada akhirnya dapat mendorong keterlibatan murid dalam PdP bidang Tajwid secara maksimum.

Aspek seterusnya adalah, aspek kepelbagaian kaedah. Aspek ini mampu menjadi pendorong keputusan peserta kajian dalam menggunakan bahan pengajaran kreatif ini dalam PdP bidang Tajwid. Menurut MAABJ, penggunaan bahan pengajaran kreatif ini bersikap fleksibel dan tidak tertumpu pada sesetengah bahan atau kaedah sahaja.

“...penggunaan bahan pengajaran kreatif tidak tertumpu pada suatu bahan pengajaran yang tertentu Sahaja namun apa-apa penggunaan bahan pengajaran yang mampu menarik minat murid untuk belajar boleh dianggap sebagai bahan pengajaran kreatif.”

MAABJ/T2/161023

Selain itu, penggunaan suatu bahan pengajaran boleh digunakan secara berulang namun melalui pendekatan atau kaedah pembelajaran yang berbeza. Ini bertepatan dengan dapatan temubual bersama MAHBA.

“...saya menitikberatkan aspek kepelbagaian kaedah pengajaran walaupun menggunakan bahan pengajaran kreatif yang sama pada beberapa siri sesi PdP bidang Tajwid.”

MAHBA/T1/161023

Hasil dapatan kajian berikut selari dengan Kajian oleh Hashim et al. (2014) yang menekankan kepentingan penggunaan pelbagai kaedah, teknik dan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Tajwid bagi meningkatkan kualiti pembelajaran murid-murid. Kajian ini juga mencadangkan beberapa bahan bantu mengajar yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Tajwid seperti papan tanda, *flashcards*, video, audio, dan sebagainya.

Aspek kepelbagaian kaedah menjadi pendorong utama guru pelatih Pendidikan Islam dalam membuat keputusan terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam PdP bidang Tajwid kerana, penerapan aspek ini dapat menjadikan penggunaan bahan pengajaran kreatif secara fleksibel dan praktikal. Murid pasti tidak merasa bosan walaupun GPI menggunakan bahan yang sama kerana aktiviti yang dijalankan adalah berbeza berbanding sebelumnya.

(2) Cabaran Pelaksanaan

Cabaran aspek dalaman yang dihadapi oleh peserta kajian terbahagi kepada dua iaitu tahap kesediaan guru dan kekangan masa. Kesediaan guru merujuk kepada tahap penguasaan guru terhadap topik pembelajaran dan juga penggunaan bahan digital. Hal ini selari dengan pernyataan Adibah dan Hafizhah (2021), GPI pada hari ini menghadapi dua cabaran utama iaitu cabaran meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan subjek pengajarannya dan meningkatkan pengetahuan berkenaan kemahiran teknologi.

“...saya masih bergelut dalam memantapkan lagi pengetahuan bidang Tajwid ini dan juga kemahiran saya dalam menghasilkan bahan pengajaran kreatif yang menarik.”
MAHBA/T1/161023

“...saya kurang mahir mengaplikasikan teknologi dalam pendidikan.”

“Saya akui saya menghadapi masalah ini kerana apabila murid bertanya tentang pembelajaran namun di luar kotak sikit, saya sudah gagal nak soalan murid tersebut.”
NASBAM/T3/171023

Oleh itu, GPI perlu mengambil inisiatif sendiri dengan memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang agama Islam dan penggunaan teknologi agar GPI kekal relevan selaras dengan perkembangan masa kini. Justeru, perlu ada keinginan dan inisiatif sendiri bagi memantapkan dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran bidang Tajwid dan penggunaan bahan digital bagi membolehkan GPI mengaplikasikan bahan pengajaran kreatif dalam PdP bidang Tajwid secara berkesan.

Cabaran aspek luaran yang dihadapi oleh peserta kajian terbahagi kepada dua iaitu tahap kekangan kewangan dan penerimaan murid-murid. Masalah kekangan kewangan memang tidak asing lagi bagi guru pelatih kerana mereka hanya bergantung sumber kewangan terhadap elaun bulanan yang diberi (MAHBA/T1/161023).

“Sebagai guru pelatih yang bergantung sumber kewangannya pada elaun bulanan...”
“Untuk aspek luaran pula adalah seperti kekangan kewangan”
MAHBA/T1/161023

Selain kekangan kewangan, penerimaan murid yang berbeza terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam bidang Tajwid turut menjadi cabaran utama peserta kajian (NASBAM/T3/171023).

“...saya menghadapi cabaran dari segi penerimaan murid-murid terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif.”

“...ada sebahagian murid yang cepat merasa bosan, tak nak terlibat dalam sesi PdPc, kurang faham dan sebagainya.”
NASBAM/T3/171023

Bagi mengatasi masalah berikut, GPI mestilah mengaplikasikan pendekatan penggunaan bahan pengajaran kreatif bentuk digital bagi mendorong minat belajar murid dalam pembelajaran Tajwid (Zetty et al., 2021).

(3) Langkah Penyelesaian.

Antara langkah penyelesaian bagi cabaran pelaksanaan bahan pengajaran kreatif dalam pembelajaran Tajwid ini, peserta kajian MAABJ ada membuat analisis terhadap murid berkenaan minat mereka, pendekatan yang sesuai, dan jenis bahan pengajaran kreatif yang disukai oleh murid-murid.

“Sebenarnya, saya ada mengkaji minat dan cenderung murid-murid kelas saya terlebih dahulu.”
MAABJ/T2/161023

Analisis murid sebelum penggunaan suatu bahan bantu mengajar sangat penting supaya guru mendapat maklumat umum berkaitan murid-murid yang berada dalam sesi PdP yang dilaksanakan olehnya. Maklumat-maklumat umum berkenaan murid-murid yang terkumpul akan dianalisis oleh guru seterusnya membantu guru merangka pendekatan atau penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai (Ismail 2002; Smaldino et al., 2012).

Merancang masa juga merupakan antara langkah yang diambil oleh peserta kajian NASBAM bagi memastikan masa lapangnya terisi dengan tugas-tugas, persiapan rancangan pengajaran harian (RPH), melengkapkan fail praktikum, membina bahan pengajaran kreatif, dan sebagainya.

“...memanfaatkan masa terluang, walaupun banyak aktiviti sekolah yang saya terlibat, saya perlu cari masa terluang di sekolah, di rumah sewa, atau semasa hujung minggu.”
NASBAM/T3/171023

Selain itu, NASBAM juga mengatakan bahan guru pelatih perlu membuang sikap suka bertanggung dalam menyelesaikan tugas dan memanfaatkan setiap masa terluang dengan perkara yang berfaedah.

“Jangan bertanggung dan manfaatkan selagi boleh masa terluang yang ada.”
NASBAM/T3/171023

Guru zaman kini ramai yang terleka, lalai, menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tiada kaitan dengan pendidikan (Tajul Ariffin & Nor Aini, 2002). Justeru, sebagai guru pelatih yang sibuk dengan pelbagai tugas, perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah hendaklah dikurangkan.

Selain itu, peserta kajian NZBN mengatasi cabaran pelaksanaan bahan pengajaran kreatif dalam pembelajaran Tajwid dengan melakukan perbincangan bersama guru pembimbing di sekolah mereka.

“...saya selalu merujuk guru pembimbing saya terlebih dahulu sebelum saya mulakan aktiviti pembelajaran.”

NZBN/T4/171023

Hasil daripada perbincangan dapat membantu penjanaan idea baru dan penyelesaian masalah turut berlaku sekiranya GPI melaksanakan perbincangan sesama sendiri dalam usaha menangani cabaran-cabaran yang dihadapi (Jasmi & Salleh, 2013).

Persiapan sendiri merupakan inisiatif sendiri yang diambil oleh peserta kajian bagi menangani cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan PdP sambil menggunakan bahan pengajaran kreatif ini. Langkah ini diambil bagi mengelakkan tugas-tugas dapat disiapkan pada waktunya seterusnya dapat meningkatkan tahap kesediaan guru untuk mengajar. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh NASBAM.

“...membuat perancangan rapi berkenaan penyediaan RPH seperti merangka aktiviti, bahan pengajaran kreatif, penyediaan RPH dan sebagainya supaya lebih bersedia untuk mengajar topik tersebut.”

NASBAM/T3/171023

Justeru, sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, inisiatif sendiri bagi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran terhadap suatu subjek atau topik amatlah digalakkan bagi memenuhi keperluan belajar murid-murid. Saranan Zetty et al. (2021) terhadap guru-guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan teknologi dalam pendidikan haruslah dilaksanakan oleh GPI dalam bidang Tajwid.

Langkah penyelesaian yang diambil oleh peserta kajian MAHBA, MAABJ dalam mengelakkan masalah kekangan kewangan adalah dengan menggunakan BBM sedia ada yang telah dihasilkan atau disediakan oleh guru-guru Pendidikan Islam atau pihak sekolah.

“...bahan-bahan nak menghasilkan flashcards tu disediakan oleh panitia Pendidikan Islam sekolah ni, jadi dah jimat banyak di situ.”

NZBN/T4/171023

Melalui inisiatif ini, para peserta kajian masih dapat melaksanakan PdP bidang Tajwid dengan menggunakan bahan pengajaran kreatif walaupun hanya bergantung sumber kewangan kepada elaun bulanan yang diberi. MAHBA menyatakan bahawa bahan-bahan untuk membina bahan pengajaran kreatif dibekalkan oleh panitia Pendidikan Islam.

“...meminta keizinan daripada pihak sekolah dan panitia Pendidikan Islam untuk menggunakan kertas, kad manilla, dan bahan pengajaran kreatif sedia ada yang telah dihasilkan.”

MAHBA/T1/161023

MAABJ turut memanfaatkan kemudahan peranti digital yang disediakan oleh pihak sekolah semasa menjalankan pembelajaran Tajwid di surau.

“Apabila saya mengalami kekangan kewangan, saya memanfaatkan kemudahan smart tv yang disediakan oleh pihak sekolah di surau dengan memaparkan slaid pengajaran Tajwid atau memaparkan video bacaan al-Quran dengan hukum Tajwid yang betul.”

MAABJ/T2/161023

Justeru sebagai seorang guru yang bertanggungjawab dalam usaha memenuhi keperluan belajar murid, mereka mestilah memanfaatkan kemudahan atau peranti-peranti digital yang disediakan oleh pihak sekolah sekiranya mengalami cabaran dari aspek kewangan. Secara tidak langsung, keperluan pembelajaran murid terjaga selari dengan terjaganya aspek kewangan guru-guru.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa kesemua peserta kajian menggunakan bahan pengajaran kreatif dalam pembelajaran Tajwid. Hasil penggunaan bahan pengajaran kreatif tersebut mendorong impak positif terhadap murid-murid dan PdP bidang Tajwid seperti meningkatkan kefahaman dan ingatan, mewujudkan minat belajar, merangsang fokus, dan mendorong penglibatan murid-murid dalam PdP bidang Tajwid secara aktif. Hal ini secara tidak langsung dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang efektif dan interaktif. Kesemua peserta kajian menekankan beberapa aspek dalam membuat keputusan terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif ini seperti aspek keterlibatan murid, rangsangan kreativiti, bermain sambil belajar, pencapaian objektif PdP dan kepelbagaian kaedah pembelajaran. Peserta-peserta kajian turut menghadapi beberapa kekangan semasa menggunakan bahan pengajaran kreatif seperti tahap kesediaan guru kurang, kekangan masa, dan penerimaan murid yang berbeza. Justeru, langkah penyelesaian telah diambil bagi menangani cabaran-cabaran penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam bidang Tajwid. Sorotan dapatan kajian menunjukkan peserta kajian membuat analisis murid, merancang masa, membuat perbincangan, persiapan sendiri, dan penggunaan bahan sedia ada dan bahan murah.

Kesimpulannya, GPI perlulah memberi penekanan kepada aspek pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran kreatif yang sesuai dan digunapakai secara sistematik bagi menjamin keberkesanan proses PdP bidang Tajwid khususnya. Pengaplikasian nilai kreativiti dan inovatif dalam PdP ilmu Tajwid sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke 21. Oleh hal yang demikian, bahan pengajaran kreatif dapat menimbulkan suasana baharu di dalam bilik darjah selain menjadikannya suatu sesi PdP yang interaktif dan efektif. Hal ini dipersetujui oleh Noornajihan Jaafar (2018) yang menyatakan bahawa bahan bantu mengajar dalam pembelajaran membantu memberi kefahaman kepada pelajar. Justeru, dalam bidang Tajwid amatlah digalakkan untuk mengaplikasikan bahan pengajaran kreatif yang interaktif bagi mengatasi masalah ingatan dan kefahaman murid-murid. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penguasaan murid-murid dalam bidang Tajwid seterusnya mendorong diri mereka menjadi seseorang yang mahir bertilawah al-Quran dan mengetahui serta

mengaplikasikan setiap hukum Tajwid. Maka jelaslah bahawa, penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam PdP ilmu Tajwid dapat membantu GPI dalam penyediaan BBM seterusnya memberi kesan positif terhadap murid-murid dalam proses PdP bidang al Quran dan bidang Tajwid di sekolah.

IMPLIKASI

Penggunaan bahan pengajaran kreatif mampu mendorong pelbagai implikasi terhadap pelaksanaan PdP bidang Tajwid. Buktinya, bahan pengajaran kreatif mampu mendorong peningkatan pemahaman murid terhadap topik pembelajaran bidang Tajwid. Dapatan kajian Mohd Faez et. al. (2016) membuktikan penggunaan bahan bantu mengajar dapat meningkatkan kefahaman, minat dan motivasi murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam, termasuklah ilmu Tajwid. Selain itu, penggunaannya juga dapat merangsang fokus murid dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka dalam bidang Tajwid (Amirul & Isa, 2020). Seterusnya, penggunaan bahan pengajaran kreatif oleh salah seorang peserta kajian yang dinamakan “Yadun” dapat mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan hukum nun sakinah dan tanwin, seterusnya membantu murid memahami, mengingat dan menguasai hukum Tajwid dengan mudah dan pantas (Hamir Hamzah Jaafar & Mohd Hilmi Said, 2018).

Implikasi penggunaan bahan pengajaran kreatif juga dapat melahirkan rasa teruja, minat belajar, kepuasan belajar, dan peningkatan motivasi murid-murid untuk belajar seterusnya memaksimumkan penglibatan mereka dalam sesi PdP bidang Tajwid (Hamir Hamzah & Mohamad Hilmi, 2018; Amirul & Isa, 2020; Mohd Faez et. al., 2016). Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan masalah keciciran murid dan murid tidak memberi tumpuan, semasa sesi PdP berlangsung.

CADANGAN

Pengkaji mencadangkan kepada pihak sekolah dan pentadbir untuk terus berusaha mewujudkan budaya penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam kalangan guru-guru khususnya semasa menjalankan PdP Pendidikan Islam di sekolah mereka. Budaya yang wujud di sekolah menentukan cara kerja guru di sekolah itu. Sebagai contoh, pihak sekolah dan pentadbir boleh menganjurkan aktiviti bimbingan antara guru senior dan guru novis. Usaha ini dilihat mampu mendorong penggunaan bahan pengajaran kreatif secara berkesan hasil perkongsian pengetahuan dan kemahiran antara guru senior yang mahir dan guru baru yang kreatif. Hal ini secara langsung dapat membentuk persepsi positif guru novis khususnya terhadap pembudayaan PdP yang dipraktikkan di sekolah itu.

Seterusnya, panitia Pendidikan Islam di sekolah harus mengetengahkan aspek perancangan jangka masa panjang dengan membina bahan pengajaran kreatif yang boleh dihasilkan sendiri untuk penggunaan semua GPI khususnya semasa pelaksanaan PdP subjek Pendidikan Islam. Kaedah ini dilihat sebagai suatu langkah yang efisien dan efektif terutama dari aspek keberkesanannya kerana bahan pengajaran kreatif tersebut dihasilkan oleh para guru Pendidikan Islam (GPI) yang mahir dalam bidang-bidang Pendidikan Islam itu sendiri. Selain itu, panitia juga haruslah menganjurkan kursus dan seminar berkenaan perkongsian penggunaan bahan pengajaran kreatif bagi mendorong penggunaannya terhadap GPI secara individu dalam PdP Pendidikan Islam. Semua aktiviti yang dijalankan juga haruslah dipastikan oleh panitia subjek agar dilaksanakan secara bimbingan antara guru senior dan guru novis agar dapat mengelakkan masalah keciciran maklumat sepanjang pelaksanaannya. Selepas GPI

mendapat pendedahan dan latihan yang mencukupi, panitia GPI harus melakukan pemantauan secara berkala ke atas PdP mereka agar penggunaan bahan pengajaran kreatif menjadi amalan atau rutin dalam kalangan GPI.

Cadangan kajian akan datang, boleh dijalankan terhadap peserta kajian dan responden yang berbeza, seperti GPI Cemerlang, GPI Inovatif atau GPI biasa terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif dalam PdP Pendidikan Islam. Meskipun ada kajian terhadap amalan GPI Cemerlang di peringkat sekolah menengah, namun hasil dapatan yang diperoleh adalah tidak sama dengan kajian terhadap dapatan kajian amalan GPI Cemerlang di peringkat sekolah rendah. Pengkaji turut menyarankan kajian lanjutan terhadap penggunaan bahan pengajaran kreatif oleh GPI lebih tertumpu kepada bidang-bidang tertentu dalam Pendidikan Islam seperti bidang Akidah, Akhlak dan Ibadah. Cadangan ini bagi mewujudkan fokus dan tumpuan terhadap kajian penggunaan bahan pengajaran kreatif yang lebih spesifik terhadap bidang-bidang tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadi rujukan GPI untuk menggunakan bahan pengajaran kreatif yang tepat dan bersesuaian dengan bidang Pendidikan Islam yang bakal dijalankan dalam bilik darjah.

RUJUKAN

Adibah Liyana Awi, H. Z. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran Abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* , 48-50.

Azizah, H. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10.

Benaquisto, L. (2008). Codes and Coding (2008). In L. Given, *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (pp. 85-87). California: SAGE Publications.

Clarke, B. &. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. Qualitative research in Psychology.

Dale, E. (1969). *Audio visual methods in teaching*. New York: Holt Rinehart and Winston.

Dane, F. C. (2011). *Evaluating Research: Methodology for People Who Need to Read Research*. California: SAGE Publications, Inc.

Eadil, M. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. . Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam; Universiti Malaya.

Fathi, K. (2021). Tahap Minat dan Penerimaan Pelajar Terhadap Gamifikasi dalam Bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*5 (1), 27-38.

Fathiyah M. F., S. C. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*17 (2), 311-340.

Hak & Dul (2010). Pattern Matching. In A. D. Mills, *Encyclopedia of Case Study Research* (pp. 663-665). L-Z; Index. 2.

Hamir Hamzah, S. (2021). Pembangunan Inovasi Tajwid Yadun Untuk Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Tajwid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 4(2), 32-44.

Hamir Hamzah Jaafar, M. H. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10.

Hamzah, A. S. (2020). Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Bidang Tajwid Murid Tahun 1 Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Hulu Langat. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian* (p. 1218). Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan .

Hassan, A. H. (2019, November 14). *Lebih 700 murid tak boleh mengaji al-Quran*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/11/517173/lebih-700-murid-tak-boleh-mengaji-al-quran>

Hashim, T. C. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.

Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Julien, H. (2008). Content Analysis. In L. Given, *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods* (pp. 120-122). California: SAGE Publications.

Kamarul Azmi, J. (28- 29 Mac 2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian Kualitatif. *Kursus Pengkajian Kualitatif siri 1*. Puteri Resort Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam*. Putrajaya: KPM.

Khairiah Binti Razali, A. J. (2017). Teknologi E-Quran Dalam Meningkatkan Penguasaan Tajwid Dalam Kalangan Murid Tahun 3. *Persidangan Amalan ICT antara disiplin*.

Mashira Yahaya, R. H. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA Bil.* 26.

Mohd Faez, I. K. (2016). Sumber bahan bantu mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 106-114.

Mohd Nur Adzam, R. N. J. (2017). Iqra Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Isu Ketidakterpaparan Antara Dua Teks. *Jurnal Pendidikan al-Quran Sunnah & Berkeperluan Khas*, 1-6.

- Mohd Zailani Mohd Yusoff, M. K. (2021). Permasalahan dan Cabaran Guru dalam Membentuk Nilai Pelajar Di Sekolah Menengah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special issue)*, 1-10.
- Muhammad Aizat Anwar, K. (2022). Kreativiti & Inovasi Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah: Satu Analisis Literatur [Creativity & Innovation of Primary School Islamic Education Teachers: A Literature Analysis]. . *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 78-96.
- Noornajihan Jaafar, A. A. (2018). Penguasaan Pembelajaran Al-Qur'an Berbandukan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian Di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 23-36.
- Othman, T. (2019). *Analisis Data Kualitatif dengan Atlas.ti 8: Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Pandiangan, A. P. (2019). *Penelitian tindakan kelas (sebagai upaya peningkatan kualitas pembelajaran profesionalisme guru dan kompetensi belajar siswa*. Yogyakarta: Deepublish.
- Rozali, C. H. (2012). *Penguasaan Tajwid Hukum Lima Di Kalangan Murid Tahun Lima: Satu Kajian Di Sekolah Kebangsaan Padang Mandol Tumpat Kelantan*. Tesis Sarjana Muda. Open University Malaysia.
- Rufaizal Che Mamat, A. R. (2017). Kemahiran Belajar Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Melalui Khemah Kerja Geoteknik. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education 1 (1)*, 384-389.
- Salleh, J. &. (2013). *Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Malaysia.
- Shaelayani Mohd Hasli, H. Z. (2023). Bahan Pengajaran Kreatif Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *QALAM International Journal Of Islamic and Humanities Research*, 65-66.
- Smaldino, S. E. (2012). *Instructional Technology and Media for Learning (10th ed.)*. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Tajul Ariffin, N. A. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia (Pendekatan Bersepadu)*. Selangor: As-Syabab Media.
- Welsh, E. (2002). Dealing with Data: Using NVivo in the Qualitative Data Analysis Process. *Journal of Forum: Qualitative Social Research*. 3(2), 1-9.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research: Design and Methods*. California: SAGE Inc.
- Zetty Nurzuliana Rashed, H. H. (2021). *Cabaran dan Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Era Revolusi 4.0*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.